

**KAJI SELIDIK FESYEN REMAJA DAN MUDA MUDI
WARGAKOTA KUALA LUMPUR MASAKINI**

KHATT JAH BTE IBRAHIM	89404465
NOR AZMI ABD. JALIL	89405820
SHAMSOL B. IBRAHIM	89400333
MD. RADUAN MD. YASIN	89424883
ROZELAN EMBONG	89405838

Kajian Perniagaan Dan Pengurusan
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
Jalan Othman, Petaling Jaya.

MEI, 1993

PRAKATA

Kami pelajar tahun akhir sesi JANUARI - MEI 1993 bersyukur kehadiran Illahi kerana setelah bertungkus-lumus selama lima bulan maka akhirnya kami berjaya menyelesaikan satu kajiselidik sebagai syarat bagi Subjek Methodologi yang merupakan subjek wajib bagi pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan.

Kami telah membuat kajiselidik fesyen remaja dan muda mudi wargakota masakini. Didorong oleh permasalahan yang dihadapi oleh para remaja dalam mengikuti arus perkembangan dunia fesyen yang begitu pesat masakini, maka kami pun mengkaji dan menyelidik topik ini secara lebih mendalam lagi.

Dinarap agar kajian ini kelak akan dapat memberikan gambaran dengan lebih jelas lagi tentang perkembangan fesyen dikalangan remaja dan muda mudi wargakota Kuala Lumpur masakini.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami mengucap syukur kehadiran Allah s.w.t. dengan limpah rahmatNya telah dapat kami semua menyelesaikan segala tugas dan masalah yang dihadapi selama ini. Tidak lupa juga kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada House of Creation, Styling Specialist, Miss Jenny Lim, En. Tan, Ms. Selvi, dan Puan Sanimah kerana telah memberikan ker.jasama sepenuhnya semasa menemuramah beliau dahulu. Beliau telah menunjukkan minat dan kerjasama yang begitu mendalam dan sungguh mengagumkan. Kami amat berbangga dan berbesar hati diatas segala ker.jasama dan perhatian yang diberikan itu.

Kepada Pensyarah kami khasnya MGT 365, Puan Faisah bt. Abd. Rahim tidak lupa .juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala panduan dan tun.juk *ajar* sehingga kami berupaya menyelesaikan semua ka.jian kertas ini.

ISI KANDUNGAN

Prakata			i
Penghargaan		ii &	iii
BAB 1	:	1.0 PENGENALAN	1
		1.1 Latarbelakang	1-3
		1.2 Penyata Masalah	4-6
		1.3 Objektif	7-8
		1.4 Hipotesis	9-11
		1.5 Skop Kajian	12
		1.6 Definasi Konsep/Terma	13
		1.7 Batasan Kajian	14
		1.8 Andaian	15
BAB 2	:	2.0 ULASAN BAHAN KAJIAN	16-24
BAB 3	:	3.0 METHODOLOGI KAJIAN	25
		3.1 Sumber-Sumber Data	25-27
		3.2 Persampelan	28
		3.3 Rekabentuk Borang	
		Kajiselidik	29
		3.4 Pengukuran Data	30
		3.5 Ujian Pintas	31-32
LAMPIRAN		Lampiran A1 •- Surat kepada responden.	
		Lampiran A2 •- Borang Kajiselidi 1-	
		Lampiran B •- Bibliografi	
		Lampiran C - Keratan Akhbar dan Majalah.	

////////////////////////////////////

**KAJI SELIDEK FESYEN REMAJA DAN MUDA MUDI
WARGAKOTA MASAKINI**

1.0 PENGENALAN

1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

Fesyen banyak mempengaruhi kehidupan manusia masakini. Ada yang menggunakan fesyen bagi menonjolkan keperibadian masing-masing. Istilah fesyen pada masakini bukan hanya digunakan untuk memperkatakan dari segi pakaian, tapi ianya juga merangkumi kegiatan-kegiatan lain dalam kehidupan seperti bentuk rumah, hiasan dalam rumah, kenderaan yang digunakan, kegiatan-kegiatan bersukan dan sebagainya.

Untuk tujuan penyediaan kertas ini, ka.ji selidik dan analisa yang dibuat akan hanya menumpukan fesyen pakaian remaja dan muda mudi wargakota Kuala Lumpur masakini.